




SPRM tahan 4 pengarah  
syarikat kes penyelewengan  
subsidi minyak masak

Muka 14



# Empat penggarah syarikat ditahan

*Kes seleweng subsidi minyak masak*

Sindiket beroperasi sejak tiga tahun kau tuntung RM21.6 juta.

ran subsidi RM21.6 juta. Sindiket ini turut dikatakan mengawal sembilan syarikat sejak beroperasi.

Difahamikan minyak masak bersubsidi ini tidak dibangkus seperti yang ditetapkan oleh kerajaan sebaiknya dikumpul dan dieksport ke luar negara.

Hasilnya mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjual bahan bersubsidi itu ke luar negara malah syarikat ini turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembe-

kalan minyak masak.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BH semalam, mengesahkan mengenai penahanan dan operasi berkenaan.

Katanya, operasi khas dinama-

kan Ops RBD diwujudkan untuk

memburu mereka yang bertang-

gungjawab dalam ketirisan sub-

sidi yang dibekalkan kerajaan.

Empat individu berusia antara

30 hingga 41 tahun itu ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya lewat petang kelmarin.

BH difahamkan, sindiket ini be-

roperasi sejak tiga tahun lalu dan

mengaut keuntungan atas baya-

“Empat penggarah syarikat yang ditahan itu adalah berhubung kuota pembekalan minyak subsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Ibu berhubung penyelewengan minyak masak bersubsidi ini adalah isu ketirisan yang mengakibatkan kerajaan kerugian ratu-san juta ringgit.

“Dalam kes ini, berdasarkan perkiraan kasar SPRM, sindiket ini sudah mengaut keuntungan atas bayaran subsidi sebanyak RM21.6 juta sejak beroperasi se-

lama tiga tahun malah turut me-

nguasai sembilan syarikat,” ka-

tanya ketika dihubungi BH, se-

malam.

BH difahamkan, berdasarkan semakan dengan KPDNHEP, sindiket itu diberikan kuota perbe-kalan minyak masak sebanyak 1,000 tan sebulan dan separutnya, mereka perlu memproses dan membungkus semula minyak ma-sak yang diberikan kepada bung-

kuatan sekilogram dan dibekalkan untuk kegunaan peruncit dan orang ramai khususnya masya-rakat luar bandar.

“Minyak masak bersubsidi ini tidak dibungkus seperti sepatutnya sebaliknya dikumpul dan di-

Kuala Lumpur: Empat penggarah syarikat yang dilantik menjadi pembekal minyak masak bersubsidi ditahan Suruhanjaya Pencegaan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercaya mentyeleweng dan mengakibatkan kerugian ratusan juta ringgit kepada kerajaan.

Empat individu berusia antara 30 hingga 41 tahun itu ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya lewat petang kelmarin.

BH difahamkan, sindiket ini be-roperasi sejak tiga tahun lalu dan mengaut keuntungan atas baya-

“Sindiket ini turut dikatakan mengawal sembilan syarikat sejak beroperasi. Difahamikan minyak masak bersubsidi ini tidak dibangkus seperti yang ditetapkan oleh kerajaan sebaiknya dikumpul dan dieksport ke luar negara.

Hasilnya mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjual bahan bersubsidi itu ke luar negara malah syarikat ini turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembe-

kalan minyak masak.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BH semalam, mengesahkan mengenai penahanan dan operasi berkenaan.

Katanya, operasi khas dinama-

kan Ops RBD diwujudkan untuk

memburu mereka yang bertang-

gungjawab dalam ketirisan sub-

sidi yang dibekalkan kerajaan.

Empat individu berusia antara

30 hingga 41 tahun itu ditahan di

sekitar Selangor dan Putrajaya le-

wat petang kelmarin.

BH difahamkan, sindiket ini be-

roperasi sejak tiga tahun lalu dan

mengaut keuntungan atas baya-



Dua penggarah syarikat antara empat yang ditahan SPRM diremeh di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)

eksport keluar negara. “Mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjualnya ke luar negara malah turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan,” kata Ahmad Khusairi.

Rabu, 10 Jun 2020 | 11:10am



## Empat pengarah syarikat ditahan, seleleweng subsidi minyak masak

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
ilahhafiz.abdaziz@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Empat pengarah syarikat yang dilantik menjadi pembekal minyak masak bersubsidi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai menyeleweng dan mengakibatkan kerugian ratusan juta ringgit kepada kerajaan.

Empat individu berusia antara 30 hingga 41 tahun itu ditahan di sekitar Selangor dan Putrajaya lewat petang semalam.

BH difahamkan, sindiket ini sudah beroperasi sejak tiga tahun lalu dan sudah mengaut keuntungan atas bayaran subsidi kira-kira RM21.6 juta.

Sindiket ini turut dikatakan mengawal sembilan syarikat sejak beroperasi.

Difahamkan minyak masak bersubsidi itu tidak dibungkus seperti yang ditetapkan oleh kerajaan dan sebaliknya dikumpul dan dieksport keluar negara.

Hasilnya mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjual bahan bersubsidi itu ke luar negara malah syarikat ini turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan bagi urusan pembungkusan dan pembekalan minyak masak.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BH, mengesahkan mengenai penahanan dan operasi berkenaan.

Katanya, satu operasi khas dinamakan Ops RBD diwujudkan untuk memburu mereka yang bertanggungjawab dalam ketirisan subsidi yang dibekalkan kerajaan.

"Empat pengarah syarikat yang ditahan itu adalah berhubung kuota pembekalan minyak subsidi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Isu berhubung penyelewengan minyak masak bersubsidi ini adalah isu ketirisan yang mengakibatkan kerajaan kerugian ratusan juta ringgit.

"Dalam kes ini, berdasarkan perkiraan kasar SPRM, sindiket ini sudah mengaut keuntungan atas bayaran subsidi sebanyak RM21.6 juta sejak beroperasi selama tiga tahun malah turut menguasai sembilan syarikat," katanya ketika dihubungi BH.

BH difahamkan, berdasarkan semakan dengan KPDNHEP, sindiket ini diberikan kuota perbekalan minyak masak sebanyak 1,000 tan sebulan dan sepatutnya, mereka perlu memproses dan membungkus semula minyak masak yang diberikan kepada bungkus sekilogram dan dibekalkan untuk kegunaan peruncit dan orang ramai khususnya masyarakat luar bandar.

"Apa berlaku minyak masak bersubsidi ini tidak dibungkus seperti sepatutnya sebaliknya dikumpul dan dieksport keluar negara.

"Mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda dengan menjualnya ke luar negara malah turut menuntut bayaran subsidi daripada kerajaan," kata Ahmad Khusairi.

Beliau berkata, ketirisan yang berlaku ini menyebabkan bekalan minyak masak amat berkurangan di pasaran dan menjadi keluhan rakyat dan peniaga kecil yang menjadi mangsa.

Keempat-empat suspek sudah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk permohonan reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah dan siasatan dilakukan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/698528/empat-pengarah-syarikat-ditahan-seleweng-subsidi-minyak-masak>